

05 JAN 1999

Ling-MCA

DR LING AKAN PERTAHANKAN JAWATANNYA DALAM MCA

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik akan mempertahankan jawatannya dalam pemilihan parti pada 17 Julai ini.

"Saya hanya menawarkan diri saya dan yang lain juga bebas untuk menawarkan diri dan biar parti yang buat keputusan," kata beliau dalam persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan majlis presiden MCA di Wisma MCA di sini.

"Kali terakhir saya bernasib baik ... Saya menawarkan diri dan semua orang bersetuju yang pencalonan ditutup bagi jawatan itu," kata beliau apabila ditanya sama ada pemilihan parti kali ini akan menyaksikan pertandingan bagi jawatan presiden.

Ditanya sama ada pemilihan kali ini akan menyaksikan persaingan sengit, beliau berkata akan terdapat sedikit persaingan tetapi parti itu menekankan yang ia dilakukan dalam semangat kekeluargaan dan perpecahan mesti dielakkan.

"Adalah penting kita tidak menyatakan sesuatu yang tidak baik atau berbohong mengenai yang lain ... jika kita boleh elakkan ini pertandingan pasti sihat dan tidak penting siapa menang atau kalah," katanya.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan mengingatkan anggota parti supaya terus bersatupadu supaya mereka boleh meneruskan agenda parti.

Beliau juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju untuk merasmikan mesyuarat agung tahunan parti itu pada 17 Julai.

Beliau berkata tarikh pencalonan ialah pada 12 Julai.

Tarikh bagi mesyuarat jawatankuasa kerja pusat juga telah ditetapkan pada setiap bulan dari Januari hingga Julai sebelum mesyuarat agung dan pemilihan parti itu.

-- BERNAMA

ARA AHH PR